

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 23 MAC 2009, PUKUL 10.00 PAGI**

Bil. 20

---

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL.**

- |    |                |   |                               |
|----|----------------|---|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 5/2009)  | Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2009                                    | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    |                | <b>[Menteri Kewangan]</b>   |                               |
| 2. | (D.R. 31/2008) | Rang Undang-undang Perlindungan Saksi 2008.   | %o                            |
|    |                | <b>[Perdana Menteri]</b>  |                               |
| 3. | (D.R. 28/2008) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2008                              | %o                            |
|    |                | <b>[Perdana Menteri]</b>  |                               |
| 4. | (D.R. 6/2009)  | Rang Undang-undang Pelantar Benua (Pindaan) 2009                                      | %o                            |
|    |                | <b>[Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar]</b>   |                               |
| 5. | (D.R. 7/2009)  | Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) (Pengesahan) 2009 | %o                            |
|    |                | <b>[Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi]</b>                                  |                               |
| 6. | (D.R. 1/2009)  | Rang Undang-undang Fi (Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan) (Pengesahan) 2009         | %o                            |
|    |                | <b>[Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani]</b>                                     |                               |

Rang Undang-undang Institusi Pendidikan  
Tinggi Swasta (Pindaan) 2008. %

**[Menteri Pengajian Tinggi]**

8. (D.R. 15/2008) Rang Undang-undang Latihan Khidmat  
Negara (Pindaan) 2008. %

**[Menteri Pertahanan]**

9. (D.R. 19/2008) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam  
Negeri Malaysia (Pindaan) 2008. %

**[Menteri Kewangan]**

10. (D.R. 18/2008) Rang Undang-undang Orang-orang Papa  
(Pindaan) 2008. %

**[Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat]**

11. (D.R. 20/2008) Rang Undang-undang Makanan Haiwan  
2008. %

**[Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani]**

12. (D.R. 26/2008) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan  
(Pindaan) 2008. %

**[Menteri Pengangkutan]**

13. (D.R. 29/2008) Rang Undang-undang Bank Kerjasama  
Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas)  
(Pindaan) 2008. %

**[Menteri Pembangunan Usahawan dan  
Koperasi]**

14. (D.R. 4/2009) Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti  
Agensi Penguatkuasaan 2009 %

**[Menteri Dalam Negeri]**

15. (D.R. 30/2008) Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika  
Hakim 2008. %

**[Perdana Menteri]**

16. (D.R. 13/2008) Rang Undang-undang Identifikasi Asid  
Deoksiribonukleik (DNA) 2008 .  
**Pertimbangan dalam Jawatankuasa  
sebuah-buah Majlis (28 Ogos 2008)**

**[Menteri Dalam Negeri]**

an mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8 (3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM30 juta kepada Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. (KMPSB), suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuiti.+

18. PR-1221-U16540

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengambil maklum bahawa fenomena pemanasan dunia (Global Warming) sejak akhir-akhir ini telah menjadi begitu serius dan negara Malaysia tidak terkecuali daripada hambatan fenomena ini. Dan mengambil maklum bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini, keadaan cuaca negara kita tidak lagi menentu di mana hujan dan panas tidak lagi bermusim. Keadaan ini telah menyebabkan kejadian banjir kilat, tanah runtuh dan banyak lagi kemusnahan alam sekitar yang lain. Dan mengambil maklum bahawa, kesan pemanasan dunia ini telah menyebabkan suhu air laut meningkat yang mana menyebabkan paras air laut meningkat dan kemusnahan terumbu-terumbu karang yang dahulunya menjadi sarang pembiakan hidupan marin. Dan mengambil maklum bahawa akhir-akhir ini, akibat daripada fenomena ini, ramai jiwa yang tidak berdosa juga turut terkorban. Maka, dengan ini hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk mengambil peranan secara aktif dan mengerahkan semua jentera Kerajaan untuk meminda dan menguatkuasakan undang-undang, sama ada yang sedia ada atau pun yang bakal dipinda, supaya mana-mana aktiviti yang boleh menyebabkan kemusnahan alam ini dapat dibendung atau dikurangkan ke tahap minima."

**(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)**

19. PR-1221-U16550

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, negara Malaysia mula dipengaruhi dengan masalah polarisasi kaum. Dan mengambil maklum bahawa sekiranya polarisasi kaum ini tidak dibendung sekarang, negara akan terjunam ke kancah ketegangan dan perpecahan kaum. Dan mengambil maklum bahawa peranan untuk mengharmonikan hubungan antara kaum di negara ini boleh dipupuk dengan berbagai cara termasuklah peranan oleh Kerajaan badan-badan bukan Kerajaan, badan-badan keagamaan dan sebagainya. Dan mengambil maklum juga bahawa usaha Kerajaan dalam menangani masalah ini boleh dipanjangkan lagi kepada badan-badan yang dimaksudkan di atas.

...m juga bahawa syarikat-syarikat termasuklah ...n atau para majikan juga boleh memainkan ... ke arah keharmonian kaum di negara ini, di mana sekiranya para majikan menyediakan kuota bagi pengambilan pekerja mereka di semua peringkat. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membuat dasar-dasar atau akta meminta badan-badan yang disebutkan di atas untuk memainkan peranan dalam usaha ini dan dalam pada yang sama Kerajaan hendaklah memberikan mereka dana yang secukupnya bagi maksud ini. Maka dengan ini dewan ini hendaklah juga mengambil ketetapan untuk meminta dan memastikan majikan untuk mengamalkan pengambilan pekerja menurut pecahan kaum di negara ini."

**(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)**

20. **Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)** akan mencadangkan :-

Bahawa Dewan ini membincangkan kelakuan Tan Sri Zaki Tun Azmi, Ketua Hakim Negara Malaysia, dalam menyatakan tanpa sebarang syarat di Kuching pada 7hb November, 2008 bahawa apabila beliau merupakan seorang pengamal undang-undang pada tahun 1987, antara lain yang berikut:

% took me six months to be nice, to bribe each and every individual to get back into their good books before our files were attended to.

That was my personal experience and I am telling this to all clerks and all the registries to stop this nonsense.+

dan kemudian menjelaskan [pada 8hb November, 2008, berkenaan laporan dalam akhbar NST bertarikh 8hb November, 2008 yang menerbitkan kata-kata di atas] seperti berikut:

% refer to your report on page 4 of the NST headlined, % Stop it now, corrupt court staff warned. %

Your reporter must have interpreted what I said, which is that during that period there was corruption in order to get things done at the court registry, as myself having done it.+

Yang mana adalah jelas merupakan satu penipuan yang mengakibatkan keseluruhan badan kehakiman yang diketuai oleh beliau mendapat nama buruk.

Dan Dewan ini mengambil notis, bahawa Surat Terbuka bertarikh 16hb Disember 2008 oleh YB. Ahli Parlimen kawasan Bukit Gelugor telah memanggil kepada Tan Sri Zaki Tun Azmi untuk meletak jawatan sebagai Ketua Hakim, Malaysia atas alasan bahawa beliau telah mengakui secara umum bahawa beliau telah melakukan rasuah pada tahun 1987 tetapi sehingga kini YB. Ahli Parlimen kawasan Bukit Gelugor masih belum menerima sebarang maklum balas daripada beliau dan ini jelas menunjukkan bahawa Tan Sri Zaki Tun Azmi mengakui diri beliau adalah korup.

Anggah Perdana Menteri untuk menggunakan pakai 25(3), Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan merujuk Tan Sri Zaki Tun Azmi kepada satu Tribunal berdasarkan fasal 4 untuk memecat Tan Sri Zaki Tun Azmi daripada jawatan sebagai Ketua Hakim Negara atas alasan salah laku di mana beliau telah menipu secara umum.

Dan bahawa Tan Sri Zaki Tun Azmi adalah digantung kerja sebagai Ketua Hakim Negara sementara menunggu suatu laporan daripada Tribunal tersebut di bawah klausa 3.

Ahli-ahli yang Berhormat yang turut mengusulkan:-

- 2) YB Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
- 3) YB Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
- 4) YB Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- 5) YB Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- 6) YB Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- 7) YB Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- 8) YB Tuan Kulasegaran a/l Murugeson (Ipoh Barat)
- 9) YB. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy (Batu Kawan)
- 10) YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- 11) YB Datoq Ngeh Koo Ham (Beruas)
- 12) YB Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
- 13) YB Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
- 14) YB Puan Teo Nie Ching (Serdang)
- 15) YB Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- 16) YB Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
- 17) YB Tuan Manogaran a/l Marimuthu (Telok Intan)
- 18) YB Dr. Charles Santiago (Klang)
- 19) YB Tuan Jef Ooi Chuan Aun (Jelutong)
- 20) YB Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
- 21) YB Tuan Er Teck Hwa (Bakri)

aw (Kepong)

Azmin bin Ali (Gombak)

- 24) YB Tan Sri DatoqKhalid bin Ibrahim (Bandar Tun Razak)
- 25) YB Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
- 26) YB Tuan Gobalakrisnan a/l Nagapan (Padang Serai)
- 27) YB Tuan Zulkifli bin Nordin (Kulim Bandar Baharu)
- 28) YB DatoqSeri Anwar Bin Ibrahim (Permatang Pauh)
- 29) YB Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
- 30) YB Tuan Chua Tian Chang (Batu)
- 31) YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin (Ampang)
- 32) YB DatoqJohari Abdul (Sg. Petani)
- 33) YB DatoqDr. Zainal Abidin Ahmad (Hulu Selangor)
- 34) YB DatoqKamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang)
- 35) YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai)
- 36) YB Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
- 37) YB Tuan Mohd. Yusmadi Bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
- 38) YB Tuan Haji Nasharudin Bin Mat Isa (Bachok)
- 39) YB DatoqKamaruddin bin Jaffar (Tumpat)
- 40) YB DatoqHaji Wan Abd. Rahim Bin Wan Abdullah  
(Kota Bharu)
- 41) YB Dr. Mohd. Hatta Bin Md. Ramli (Kuala Krai)
- 42) YB Dr. LoqLoqbinti Haji Mohamed Ghazali (Titiwangsa)
- 43) YB DatoqSeri Haji Abdul Hadi Bin Awang (Marang)
- 44) YB DatoqHaji Ab. Halim Bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa)
- 45) YB Dr. Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor)
- 46) YB Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Kota Raja)
- 47) YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusof (Rantau Panjang)
- 48) YB Tuan Azan Bin Ismail (Indera Mahkota)

ian (Petaling Jaya Selatan)

n Din (Merbok)

- 51) YB Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
- 52) YB Tuan Haji Ahmad Bin Kasim (Kuala Kedah)
- 53) YB Dr. Haji Mohd. Hayati Bin Othman (Pendang)
- 54) YB Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
- 55) YB Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
- 56) YB Tuan Haji Taib Azamudden Bin Md. Taib (Baling)
- 57) YB Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa (Parit Buntar)
- 58) YB. Tuan Muhamad bin Husain (Pasir Putih)
- 59) YB. Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
- 60) YB. Tuan Mohd Nasir Bin Zakaria (Padang Terap)
- 61) YB. Tuan Mohd. Firdaus Bin Jaafar (Jerai)
- 62) YB. Tuan Che Uda bin Che Nik (Sik)

**(Perdana Menteri)**

21. PR-1221-U16591

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini terdapat rungutan para majikan terutama sekali dalam sektor industri tani, perladangan dan pembuatan bahawa mereka terpaksa mengambil atau mengimport tenaga kerja daripada negara luar kerana ketiadaan tenaga kerja dari negara ini. Dan mengambil maklum bahawa dengan kebanjiran tenaga kerja dari luar negara ini, banyak masalah sosial yang timbul selain daripada masalah ketenteraman awam. Selain itu tukaran asing negara juga turut terlibat dengan pemindahan wang yang berjumlah berjuta-juta ringgit sebulan setiap kali mereka mengirinkan wang ke negara asal mereka. Dan mengambil maklum bahawa terdapat ramai kanak-kanak yang tidak bernegara (stateless kids) pemegang IMM13 dan mereka yang diberikan status penduduk tetap di negeri Sabah dan juga negara Malaysia.

sumber tenaga buruh yang sedia ada di negara mereka ini tidak lagi bercadang untuk kembali ke negara asal mereka. Sekali gus tukaran asing negara tidak terjejas kerana tidak ada kiriman wang yang dibuat. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menyediakan latihan vokasional kepada mereka yang dimaksudkan di atas bagi membolehkan mereka bekerja di negara ini dan sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada sumber tenaga kerja asing."

**(Menteri Sumber Manusia)**

22. PR-1221-U16629  
**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia memberi peluang kepada masyarakat India dan Cina menjawat jawatan di sektor perkhidmatan awam secara beramai-ramai."

**(Perdana Menteri)**

23. PR-1221-U16630  
**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk membina Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia demi memenuhi keperluan masyarakat India."

**(Menteri Pelajaran)**

24. PR-1221-U16698  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan mengenal pasti dan merancang satu sistem pelupusan sisa pepejal yang terbaik, bersepadu dan mesra alam dalam kadar seberapa segera mungkin bagi membolehkan sisa pepejal dapat di kitar semula sehingga lebih 70% supaya boleh ditukar dalam berbagai produk termasuk penjaan tenaga dan 30% sisa organik lain boleh dijadikan baja kompos setelah disimpan hanya beberapa bulan di tapak pelupusan sanitari. Cadangan ini dibuat memandangkan hampir semua negeri-negeri di seluruh negara mengalami masalah kekurangan tapak pelupusan sisa pepejal yang kemudian berkait dengan jadual kutipan sisa pepejal dan status kebersihan sekitaran. Dalam masa yang sama usaha gigih perlu dibuat dalam melatih dan mendisiplinkan masyarakat melaksanakan sistem kitar semula sebagaimana yang dilaksanakan dalam negara maju bagi memudahkan pengurusan sisa pepejal di masa akan datang."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

**Mat [ Hulu Langat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta supaya Pengajaran/Pembelajaran Sains dan Matematik (PPSM) terutama peringkat rendah sudah sampai masa di tukar balik pengajarannya dalam Bahasa Ibunda masing-masing memandangkan tahap pencapaian pelajar selepas satu kohot jelas kurang memuaskan terutama bagi pelajar luar bandar (Desa). PPSMI yang dilaksanakan sejak September 2002 adalah bertentangan dengan Dasar Kebangsaan, Akta Pendidikan 1961/1986/1996, Penyata Rahman Talib, 1960, Penyata Razak, 1956 serta akta-akta lain termasuk Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Oleh itu kita perlu kembali kepada dasar yang betul iaitu Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dibuat oleh Kerajaan sendiri."

**(Menteri Pelajaran)**

26. PR-1221-U16704  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan membina banyak lagi empangan di hulu sungai bagi membantu mendapatkan bekalan air bersih tanpa pencemaran yang tinggi sebagaimana amalan sekarang di mana punca air diambil dari sungai yang sudah tercemar."

**(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)**

27. PR-1221-U16710  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia supaya tidak membazir wang yang banyak dalam menyediakan Pasukan Keselamatan yang terlalu ramai bagi menjaga keselamatan dalam mana-mana pilihan raya kecil bagi memastikan demokrasi berjalan lancar kerana rakyat makin matang dan bersedia mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak keselamatan apabila ruang dan peluang yang sama dan adil diberi kepada parti-parti yang bertanding. Sebaliknya bilangan Pasukan Keselamatan yang terlalu ramai boleh mewujudkan suasana tegang, tidak selesa dan risau kepada pengundi."

**(Menteri Dalam Negeri)**

**A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan untuk mengambil pendirian mengenai kezaliman yang sedang berlaku di Negara Palestin dan Sri Lanka yang tidak menghormati hak asasi manusia sehingga membunuh beribu-ribu nyawa yang tidak bersalah."

**(Menteri Luar Negeri)**

29. PR-1221-U16790  
**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan harus mengubahsuaikan cara koordinasi yang baru melalui penubuhan satu suruhanjaya untuk memantau kemajuan sekolah SK, SJK(C) dan SJK(T) serta pengambilan guru-guru tetap di sekolah-sekolah ini secara seimbang."

**(Menteri Pelajaran)**

30. PR-1221-U16990  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan setakat mana Pasukan Polis Diraja berjaya melaksanakan syor-syor Laporan Suruhanjaya Diraja, pengambilan rekrut untuk mencapai bilangan 150,000 anggota dan keberkesanan untuk menjaga keselamatan di seluruh negara."

**(Menteri Dalam Negeri)**

31. PR-1221-U16991  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menghadapi tsunami kewangan termasuk sebab musabab harga diesel, gas dan petrol tidak boleh diturunkan lagi."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)**

32. PR-1221-U17074  
**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap

... telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agong  
... tu pada 18 Disember 2007 di mana negara-  
... mengamalkan hukuman mati diminta untuk  
menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah  
hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat  
dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman  
mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali.  
Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk  
meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar untuk membantu  
mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang  
bercanggah dengan Moratorium tersebut."

**(Menteri Luar Negeri)**

33. PR-1221-U17085

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa bekas Menteri Luar Negeri (1999), Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar dikenakan tindakan di bawah Peraturan Tetap 13(2) dan dibawa ke Jawatankuasa Disiplin kerana berbohong di Dewan Rakyat yang mulia pada 15 Julai 1999. Pada hari tersebut ketika membentangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 yang dirujuk di dalam Hansard Jilid V, Bil. 24, 15 Julai 1999, p.67 berkata:-Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan bahawa akta Suruhanjaya ini memenuhi Prinsip-prinsip Paris, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat juga telah diberi perhatian selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Menurut laporan dan cadangan International Coordinating Committee (ICC) bertarikh 21 April 2008 di Geneva, penggubalan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 tidak berlandaskan kepada Prinsip Paris sehingga kedudukan Malaysia mungkin diturunkan dari %A+ kepada %B+.

**(Perdana Menteri)**

34. PR-1221-U17179

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan dengan ini memutuskan agar setiap penduduk di Sabah yang telah dan sedang mendaftar sebagai Daftar Lewat Sijil Kelahiran yang terkandung dalam Undang-undang Pendaftaran Sijil Kelahiran juga mengguna pakai Ordinan Kelahiran Sabah, Cap 123 tahun 1953 yang disatukan sebagai undang-undang sewaktu pembentukan negara Malaysia pada 16 September 1963 dalam Akta Pendaftaran Kelahiran."

**(Menteri Dalam Negeri)**

**Majmun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan dengan ini menetapkan untuk membincang berkaitan tarikh pembentukan negara Malaysia agar perkara ini tidak lagi dipertikaikan dan tarikh tersebut dapat dicatatkan ke dalam rekod Kerajaan dan dapat dicetak ke dalam buku sejarah yang diguna dalam pendidikan sejarah di sekolah-sekolah dan pengajian tinggi."

**(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)**

36. PR-1221-U17188

**Datuk Eric Enchin Majimbum [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan dengan ini dapat membincang dengan seriusnya mengenai kedudukan Cabotage Policy agar polisi ini tidak mengetepikan hak rakyat Sabah dalam pengangkutan perkapalan laut serta tidak membezakan harga barangan seharian bagi Semenanjung dan Sabah / Sarawak."

**(Menteri Pengangkutan)**

37. PR-1221-U17960

**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan harus menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dengan segera. Ini dapat dijelaskan melalui SUHAKAM. SUHAKAM menyatakan bahawa ISA menahan seseorang tanpa bicara bertentangan dengan deklarasi Hak Asasi Manusia. Dalam laporan dan kajian SUHAKAM mencadangkan agar akta zalim itu dimansuhkan sepertimana hasil kajian yang telah dihantar kepada Kerajaan sejak tahun 2003."

**(Perdana Menteri)**

38. PR-1221-U17966

**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan membahaskan dan memindahkan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 (Akta 597) sepertimana ditegaskan oleh The International Coordinating Committee (ICC) bahawa beberapa perkara tidak jelas dan mematuhi prinsip-prinsip Paris dan kemungkinan diturunkan dari status A ke B. Berdasarkan pemerhatian oleh ICC, SUHAKAM diberi tempoh sehingga April 2009 sahaja dan Kerajaan harus memberi perhatian serius untuk mempertahankan status SUHAKAM."

**(Perdana Menteri)**

**Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Yang Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang negara."

**(Menteri Penerangan)**

40. PR-1221-U18084

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

41. PR-1221-U18087

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

42. PR-1221-U18090

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

**(Perdana Menteri)**

**Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB. Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

**(Perdana Menteri)**

44. PR-1221-U18211

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibentangkan kepada Panel Penilaian Bebas untuk dinilai dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara, kemudian dibahaskan dalam Parlimen, demi mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. Ini adalah berikutan dari kes prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara mengenai pembelian 12 unit EC-725 telah mendatangkan kesan positif dalam menjelaskan proses pembelian aset pertahanan kepada rakyat umum."

**(Menteri Pertahanan)**

45. **Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baharu ]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

~~Islam~~ adalah agama bagi Persekutuan **termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya**'.

**(Perdana Menteri)**

46. **Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baharu ]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

~~Perlembagaan~~ ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, **kecuali undang-undang dan syariat Islam**, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat ia berlawanan ituq

**(Perdana Menteri)**

Noordin [ Kulim Bandar Baharu ] akan

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

±Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, **termasuk menukar agamanya kecuali bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam.**

**Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya'.**

**(Perdana Menteri)**

48. Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baharu ] akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut:-

±etapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuanq dan diganti dengan perkataan berikut:-

**'dan mempunyai bidang kuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam hukum syarak' dan undang-undang Islam termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syarak dan undang-undang Islam'.**

Dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas±.

**(Perdana Menteri)**

oordin [ **Kulim Bandar Baharu** ] akan

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah memansuhkan dan menghapuskan semua amalan dan upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara dan semua langkah yang berkesan dan efektif diambil agar anggota tentera, polis dan lain-lain anggota beruniform tidak dipaksa dan/atau diarah melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/atau bertafakur di hadapan Tugu Negara+.

**(Menteri Dalam Negeri)**

50. **Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baharu ]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan autoriti mengatasi kesemua Mufti-mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dengan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang Dipertuan Agong dan Majlis Raja-raja+.

**(Perdana Menteri)**

51. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [ Kulim Bandar Baharu ]** akan mencadangkan :-

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai '**Jawatankuasa Caucus bagi Palestin**' dengan Perdana Menteri sendiri sebagai Pengerusi Caucus tersebut+.

**(Menteri Luar Negeri)**

52. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [ Kulim Bandar Baharu ]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya peruntukan pembangunan berjumlah RM1,000,000-00 dan lain peruntukan yang selama ini diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional juga diberikan kepada kesemua Ahli Parlimen termasuk dari bukan Kerajaan menurut terma dan syarat sebagaimana yang diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional+.

**(Menteri Kewangan)**

loordin [ **Kulim Bandar Baharu** ] akan

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal Islam dalam negara ini dengan tujuan untuk memartabatkan, memperkukuhkan dan mempertahankan hal ehwal Islam dan menamakan badan ini sebagai '**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Islam**' dengan Perdana Menteri sendiri sebagai Pengerusi Caucus tersebut+.

**(Perdana Menteri)**

54. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [ Kulim Bandar Baharu ]** akan mencadangkan :-

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai '**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Masyarakat India**' dengan Menteri Kewangan sebagai Pengerusi Caucus tersebut+.

**(Menteri Kewangan)**

55. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [ Kulim Bandar Baharu ]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta memansuhkan pengajian mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dan menggantikan ia dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajian mata pelajaran tersebut+.

**(Menteri Pelajaran)**

56. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [ Kulim Bandar Baharu ]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan atau halangan+.

**(Menteri Penerangan)**

loordin [ **Kulim Bandar Baharu** ] akan

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta+.

**(Menteri Dalam Negeri)**

58. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [ Kulim Bandar Baharu ]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan / atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Air Asia supaya kakitangan wanitanya terutama pramugari hendaklah berpakaian yang lebih sopan sekurang-kurangnya seperti pramugari Penerbangan Malaysia+.

**(Menteri Pengangkutan)**

59. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [ Kulim Bandar Baharu ]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan / atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia dan Air Asia supaya membenarkan kakitangan wanitanya yang beragama Islam khususnya pramugari dibenarkan memakai tudung menurut yang ditetapkan oleh hukum syarak dengan pakaian seragam yang bersesuaian sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Saudi Air, Emirates Airways, Brunei Airline dan lain-lain+.

**(Menteri Pengangkutan)**

60. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [ Kulim Bandar Baharu ]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras sebagaimana yang memabukkan semasa di dalam penerbangan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan lain seperti Saudi Air, Emirates Airways, Brunei dan lain-lain+.

**(Menteri Pengangkutan)**

**Nordin [ Kulim Bandar Baharu ] akan**

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat perniagaan runcit Seven-Eleven (7-11) dilarang sama sekali daripada menjual arak dan/ atau apa-apa minuman keras yang memabukkan serta sebarang bentuk kondom di premisnya+.

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)**

62. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [ Kulim Bandar Baharu ] akan** mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al-Maunah dan lain-lain jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi+.

**(Menteri Dalam Negeri)**

63. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [ Kulim Bandar Baharu ] akan** mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Hindu Hindraf dan jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi+.

**(Menteri Dalam Negeri)**

64. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [ Kulim Bandar Baharu ] akan** mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid Jameq Bandaraya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak Masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid



*Your complimentary  
use period has ended.  
Thank you for using  
PDF Complete.*

[Click Here to upgrade to  
Unlimited Pages and Expanded Features](#)

...tukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat  
untuk mengerjakan solat terutamanya solat  
Aidilfitri dan Aidiladha memandangkan  
pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini+.

**(Perdana Menteri)**

**ANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2009</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.19	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) Bagi Tahun 2007.	23 MAC 2009
ST.21	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis (UMP) Bagi Tahun 2007.	23 MAC 2009
ST.34	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara (MSN) Bagi Tahun 2007.	23 MAC 2009
ST.35	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Bagi Tahun 2008.	23 MAC 2009